

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya terdapat sebarang terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini yang anda tidak faham, sila dapatkan nasihat bebas dan/atau berbincang dengan wakil Bank sebelum menandatangani di bawah.)</p>	<p>VERSI BAHASA MALAYSIA</p> <p>Bank : AFFIN ISLAMIC Produk :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jaminan Bank-i (BG-i) • Jaminan Bank-i Ekspres (BG-i Ekspres) <p>Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan:</p> <p>_____</p> <p>(hendaklah dilengkapkan semasa permohonan)</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p>	
<p>A. <u>Jaminan Bank-i (BG-i)</u></p> <p>Jaminan Bank-i (BG-i) adalah merujuk kepada kemudahan yang disediakan yang mana BG-i akan diisukan sebagai satu jaminan bertulis yang dikeluarkan oleh pihak Bank untuk membayar Benefisiari (“Benefisiari”) amaun yang dinyatakan dalam jaminan jika peristiwa yang dinyatakan di dalamnya (biasanya yang mungkir) telah berlaku.</p> <p>B. <u>Jaminan Bank-i Ekspres (BG-i Ekspres)</u></p> <p>BG-i Ekspres adalah merupakan produk dari semasa ke semasa berdasarkan kepada permohonan diterima daripada pelanggan. Tiada had kemudahan pendahuluan akan diperuntukkan untuk pelanggan kerana ini hanyalah perkhidmatan.</p> <ol style="list-style-type: none"> la ditawarkan kepada pelanggan pembiayaan dan bukan pelanggan pembiayaan Bank yang merupakan pemegang Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i la dijamin sepenuhnya dengan 100% pembayaran tunai atau Deposit Berjangka-i (TD-i) /Deposit Tetap (FD). la adalah transaksi sekali sahaja tanpa sebarang kemudahan kredit pra-lulus diberikan. <p><u>Cagaran yang diambil untuk BG-i Ekspres akan diproses seperti berikut :</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Pembayaran tunai akan didebitkan daripada akaun pemohon, atau TD-i/FD akan ditag oleh pihak Bank di bawah lien. Selepas pembatalan BG-i Ekspres, sekiranya tiada tuntutan diterima daripada Benefisiari, cagaran/sekuriti yang diambil akan dikembalikan ke akaun pelanggan atau penandaan di bawah lien akan dibatalkan. 	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Kafalah. • Kafalah boleh didefinisikan sebagai jaminan yang diberikan oleh pihak yang pertama yang bersetuju untuk menunaikan liabiliti pihak ketiga sekiranya pihak kedua gagal memenuhi tanggungjawabnya. 	
<p>3. Apa yang saya perolehi dari produk ini?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Satu jaminan dan obligasi bayaran oleh pihak Bank yang dapat memudahkan anda mengembangkan urusan perniagaannya ke pasaran baru. • Sokong komitmen kewangan anda untuk prestasi anda di bawah obligasi kontrak. 	
<p>4. Apakah kewajipan saya?</p>	
<p>A. <u>Jaminan Bank-i</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Jaminan Bank-i perlu dibayar apabila dituntut. • Jumlah yang mesti dibayar semula adalah termasuk fi dan caj. <p>B. <u>Jaminan Bank-i Ekspres</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan jaminan sama ada dalam bentuk pembayaran tunai atau Deposit Berjangka-i. • Bayar kepada Bank semua yuran dan caj menurut pengeluaran BG-i Ekspres bersama-sama seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. • Memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk debit akaun anda dengan pihak Bank sebarang jumlah yang dituntut oleh pihak Bank termasuk sebarang caj, kos atau bayaran yang telah dibayar oleh pihak Bank berhubung BG-i Ekspres tersebut. • Membuat pembayaran serta merta kepada pihak Bank bagi caj-caj Bank yang berkaitan sekiranya berlaku tuntutan, jika ada. 	

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Fi dan Caj	Amaun (RM)
Komisen Pengeluaran dan Pembaharuan	<p>Jaminan Bank-i -dengan kemudahan 0.1% sebulan daripada jumlah kemudahan dengan(atau sebahagian daripada bulannya) minimum RM100.00</p> <p>Jaminan Bank-i Ekspres 0.125% sebulan daripada jumlah kemudahan (atau sebahagian daripada bulannya) minimum RM250.00</p>
Komisen Pindaan (Lanjutan Tarikh Luput/ Peningkatan Amaun)	<p>Jaminan Bank-i -dengan kemudahan 0.1% sebulan daripada jumlah kemudahan dengan(atau sebahagian daripada bulannya) minimum RM50.00</p> <p>Jaminan Bank-i Ekspres 0.125% sebulan (atau sebahagian daripada bulannya) pada jumlah yang meningkat dan/atau tarikh luput baharu minimum RM250.00</p>
Pindaan (Lain-lain)	RM 50.00
Penyemakan Format BG-i	RM 250.00
Serah Hak BG-i	RM 250.00
Duti Setem	Mengikut Akta Setem 1949
Duti setem tambahan jika BG-i Ekspres dijamin oleh TD-i/FD	Mengikut Akta Setem 1949
Caj Lain-lain	Semua caj lain hendaklah mengikut Tarif Standard Caj Bank.

6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?
A. Jaminan Bank-i (BG-i)

- Cagaran/Sekuriti yang dicagarkan untuk kemudahan BG-i akan ditarik balik apabila menerima tuntutan untuk jumlah penuh termasuk caj (jika ada).
- Bank mempunyai hak pada bila-bila masa tanpa notis kepada anda untuk mendebit akaun semasa/simpanan-i anda dengan kami ke arah pembayaran BG-i dan sebarang caj dan/atau fi lain yang ditanggung dalam menyelesaikan pembayaran, kos undang-undang yang ditanggung berhubung dengan penguatkuasaan kos sekuriti/pemulihan dan sebarang kos atau perbelanjaan lain yang bersampingan dengan yang sama.
- Bank akan mencairkan sekuriti/cagaran anda seperti yang dituntut oleh pemberi kontrak/pihak ketiga dan Bank akan menolak jumlah yang sama yang dibayar.
- Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal membalas notis peringatan. Harta/sekuriti/cagaran anda mungkin dirampas dan anda perlu menanggung semua kos guaman berhubung dengan perkara yang sama. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan (jika ada) selepas harta anda dijual.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda yang membawa kepada pembiayaan menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- Dalam keadaan tertentu di mana pelanggan tidak boleh dihubungi, kewajipan Bank dianggap telah dipenuhi jika notis tersebut telah dihantar ke alamat terakhir pelanggan yang diketahui sekurang-kurangnya 7 hari kalendar lebih awal.

B. Jaminan Bank-i Ekspres

Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun deposit anda atau akaun lain yang diuruskan oleh Bank untuk menyelesaikan pembayaran tertunggak di bawah kemudahan yang diberikan oleh Bank.]

7. Apakah risiko utama?
A. Jaminan Bank-i (BG-i)

- Apabila menerima tuntutan daripada Benefisiari akibat kegagalan anda untuk memenuhi kewajipan anda kepada mereka, Bank akan meneruskan untuk memenuhi jaminan dengan membuat pembayaran dan mendebit akaun semasa/simpanan-i anda dengan kami untuk pembayaran BG-i dan sebarang caj lain dan/atau fi yang ditanggung dalam menyelesaikan pembayaran, kos perundangan yang ditanggung berhubung dengan penguatkuasaan kos sekuriti/pemulihan dan sebarang kos atau perbelanjaan lain yang bersampingan dengan kos yang sama
- Bank juga boleh mencairkan sekuriti/cagaran anda untuk menyelesaikan pembayaran seperti yang dituntut oleh pemberi kontrak/pihak ketiga.

B. Jaminan Bank-i Ekspres

- Setelah menerima tuntutan/permintaan daripada Benefisiari, Bank akan meneruskan untuk memenuhi tuntutan/permintaan dengan membuat pembayaran menggunakan pembayaran tunai atau Deposit Berjangka-i/Deposit Tetap yang diambil.

8. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi pihak Bank dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif lain pembayaran.
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda diminta mengisi borang "Borang Maklum Balas" yang boleh didapati di laman sesawang AffinAlways.com yang akan dihantar ke Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi. Anda juga boleh menghubungi pihak Bank di:

Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi**Tingkat 9, Menara AFFIN,****Lingkaran TRX,****Tun Razak Exchange,****55188 Kuala Lumpur.****Telefon** : 03 – 8230 2222**Faks** : 03-2026 1104**E-mel** : YourVoice@affingroup.com**Laman Web** : www.AffinAlways.com
www.affingroup.com

- Secara alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**Tingkat 5 and 6, Menara Aras Raya****(Dahulu dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce),****Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.****Telefon** : 03-2616 7766**Faks** : 03-2616 7601**E-mel** : enquiry@akpk.org.my**Waktu Urusan** : 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin – Jumaat)

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) di:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) (664393P)**(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)****Tingkat 14, Blok Utama,****Menara Takaful Malaysia****No. 4, Jalan Sultan Sulaiman****50000 Kuala Lumpur****Telefon** : 03 – 2272 2811**Faks** : 03 – 2272 1577**E-mel** : enquiry@ofs.org.my**Laman Web** : www.ofs.org.my

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Bank Negara Malaysia Link atau Telelink di:

BNMLINK**Bank Negara Malaysia****P.O. Box 10922 (Peti Surat 10922)****50929 Kuala Lumpur****Telefon** : 1-300-88-5465**Faks** : 03-21741515**E-LINK** : <https://bnmlink.bnm.gov.my>**7. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

8. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi cawangan kami berhampiran anda atau hubungi Pusat Panggilan kami 03-8230 2222 atau layari laman web kami di AffinAlways.com.

9. Pakej pembiayaan lain yang disediakan

Bil Penerimaan-i (AB-i), Bil Perundingan-i (BN-i), Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i), Surat Kredit-i (LC-i), Jaminan Perkapalan-i (SG-i), Resit Amanah-i (TR-i), dan Pembiayaan Modal Kerja-i (WCF-i).

NOTA PENTING:

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL
UNTUK MEMBAYAR PEMBIAYAAN ANDA.**

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah dari 8 OGOS 2024.

Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya/kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya /kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No Kad Pengenalan : _____

Tarikh : _____